

Autonomi IPTA tentukan kemasukan calon dari luar sistem pendidikan



Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Ahmad Martadha
Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Keputusan kerajaan memperkenalkan laluan kemasukan tertentu bagi lepasan institusi di luar sistem pendidikan kebangsaan ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) mencetuskan perbincangan dalam masyarakat, khususnya berkaitan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)/Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC).

Bagaimanapun, seperti ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, keputusan membenarkan lepasan SMPC/UEC memasuki IPTA tidak sepatutnya dipolitikkan dan dijadikan isu mana-mana pihak.

Kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir juga jelas, keputusan membuka laluan kepada lepasan di luar sistem pendidikan kebangsaan ke IPTA tidak bermaksud kerajaan mengorbankan dasar pendidikan negara atau mengiktiraf sistem lain.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Azlinda Azman pada sidang medianya turut menegaskan keputusan itu bukan pengiktirafan kepada sistem persekolahan UEC kerana sistem persekolahan diiktiraf di Malaysia dilakukan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi sistem persekolahan yang memenuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan sahaja.

Sebaliknya, apa diputuskan Jemaah Menteri ialah peluasan akses pendidikan tinggi secara lebih inklusif dan bersasar kepada pelajar berpotensi daripada pelbagai latar belakang pendidikan tanpa menjejaskan standard akademik, integriti sistem kemasukan IPTA dan dasar pendidikan negara.

Kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kekal menjadi syarat wajib bagi kemasukan ke IPTA termasuk untuk pelajar lepasan luar sistem pendidikan kebangsaan.

Pendekatan ini bukan hanya membabitkan lepasan SMPC/UEC, tetapi merangkumi institusi lain di luar sistem pendidikan kebangsaan, iaitu pertimbangan laluan kemasukan ke IPTA tertakluk kepada syarat am hendaklah memiliki SPM di samping pensijilan diambil dari institusi berkenaan bagi kemasukan ke program tertentu di IPTA.

Selain itu, lain-lain ketetapan syarat khas tertakluk kepada senat IPTA masing-masing.

Kerajaan melihat kepelbagaian sistem pendidikan yang wujud dalam masyarakat sebagai satu realiti semasa perlu diurus dengan pendekatan seimbang, pragmatik dan bertanggungjawab. Namun, peluasan akses ini dibuat secara sangat terkawal dan tidak membabitkan semua bidang pengajian.

Seperti dijelaskan kenyataan rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bagi lepasan SMPC/UEC, hanya empat program pengajian dikenal pasti setakat ini.

Ia membabitkan Sarjana Muda Sastera Pengajian Bahasa Cina dengan Kepujian, Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Cina, Sarjana Muda Sastera Pengajian Cina dan Sarjana Muda Bahasa Cina dengan Pendidikan.

Program ini dipilih berdasarkan kesesuaian bidang

pengajian, latar belakang akademik calon dan keperluan semasa negara. Ia bukan pembukaan menyeluruh kepada semua program pengajian IPTA.

Bidang profesional dan kritikal tertentu masih tertakluk kepada syarat ketat badan profesional dan universiti.

Sistem merit tetap asas utama

KPT juga menegaskan sistem merit tetap menjadi asas utama dalam pertimbangan kemasukan. Tiada kelebihan automatik diberikan kepada mana-mana aliran pendidikan. Semua calon perlu memenuhi syarat akademik, syarat program dan penilaian universiti masing-masing.

IPTA masih mempunyai autonomi menentukan kesesuaian calon berdasarkan syarat program, kapasiti institusi dan keputusan Senat Universiti. Dalam setengah program, calon mungkin perlu melalui temu duga, ujian khas atau penilaian tambahan sebelum diterima masuk.

Kerajaan turut memberi perhatian serius terhadap kebimbangan masyarakat mengenai kemungkinan standard universiti awam (UA) diturunkan melalui pendekatan ini.

Dalam hal ini, KPT memberi jaminan standard akademik IPTA kekal dipelihara. Pendekatan ini hanya peluasan akses masih tertakluk kepada syarat akademik, tapisan dan penilaian universiti.

Pelaksanaan ini tidak menjejaskan laluan utama sedia ada seperti Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan matrikulasi kekal relevan sebagai saluran utama ke IPTA.

Keputusan ini juga tidak akan menjejaskan peluang pelajar sekolah kerajaan atau pelajar luar bandar kerana pengurusan pengambilan pelajar masih dibuat secara terkawal berdasarkan kapasiti universiti dan merit akademik.

Pendekatan ini mencerminkan komitmen kerajaan memastikan sistem pendidikan tinggi negara kekal dinamik, responsif dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan landskap pendidikan global.

Dalam dunia hari ini, kepelbagaian latar belakang pendidikan adalah realiti tidak dapat dielakkan. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil pendekatan seimbang antara mempertahankan dasar pendidikan kebangsaan dan memastikan bakat berpotensi tidak tercicir daripada arus pembangunan.

Pada masa sama, pelaksanaan ini turut mengambil kira keperluan pasaran kerja dan pembangunan bakat negara dalam bidang tertentu, khususnya bidang bahasa, linguistik dan pengajian berkaitan budaya memerlukan kepakaran khusus.

Pendekatan ini membolehkan IPTA mengenal pasti pelajar benar-benar mempunyai potensi akademik serta kemampuan mengikuti pengajian tanpa menjejaskan kapasiti institusi atau standard program ditawarkan.

Namun, dalam melaksanakan pendekatan lebih inklusif ini, kerajaan tetap berpegang kepada empat prinsip utama iaitu akses inklusif, merit, kualiti akademik dan integriti sistem pendidikan tinggi negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH